

8H, 713119

# Pelabur asing kembali ke Malaysia

➔ Keyakinan pulih selepas pertumbuhan ekonomi catat peningkatan

**P**elabur asing secara perlahan-lahan kembali ke Malaysia selepas membuat keputusan besar-besaran tahun lalu, selepas tertarik ketidaktentuan politik yang semakin berkurangan, harga pasaran dan jangkaan pulangan lebih baik selepas pertumbuhan ekonomi meningkat akhir tahun lalu.

Pasaran saham Malaysia jatuh

enam peratus tahun lalu apabila kebangkitan terhadap langkah kebangkitan terhadap dasar Rizab Persekutuan dan perang perdagangan Amerika Syarikat (AS)-China mempengaruhi ekonomi Asia.

Malah, kemenangan mengejutkan Tun Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum ke atas kerajaan yang mentadbir Malaysia selama enam dekad turut mencetuskan ketidaktentuan.

Dalam dua bulan pertama 2019, pelabur luar negara membuat pembelian bersih AS\$40 juta saham tempatan, demikian menurut data ditunjukkan Bursa Malaysia.

Mereka menjual saham tempatan bernilai AS\$2.7 bilion pada 2018.

"Secara perlahan-lahan dalam beberapa bulan, mereka (kerajaan) menunjukkan lebih telus. Mereka

lebih teratur mengenai jenis rasuah yang mahu ditangani dan banyak tumpuan terhadap tanggungjawab," kata Timbalan Pengurus Portfolio Amana Funds yang berpangkalan di Washington, Monem Salam.

"Itu yang membawa semula keyakinan."

## Pelan lima tahun

Kerajaan Dr Mahathir memperkenankan pelan lima tahun untuk membenarkan rasuah dan memperkenankan peraturan untuk mengawal selia pembiayaan politik.

Langkah-langkah berkenaan didasarkan untuk meningkatkan keyakinan pelabur selepas skandal rasuah berbilion dolar membabitkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menyebabkan kejatuhan kerajaan terdahulu.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan 4.7 peratus pada Oktober-Disember, kadar terpan-tas dalam tempoh tiga suku tahunan.

Inflasi bukan satu isu. Pada Januari, harga pengguna 0.7 peratus lebih rendah berbanding setahun sebelumnya.

## Prestasi pasaran bon

Pada 2018, pasaran bon terjejas oleh kebangkitan mungkin ada defisit fiskal lebih tinggi dan kemungkinan penarafan berdaulat diturunkan, namun kebangkitan sedemikian semakin menghilang.

"Walaupun potensi penarafan diturunkan bukan menjadi anggaran asas kami, ia mempengaruhi permintaan asing bagi bon Malaysia menuju 2019, menyebabkan penilaiannya berada di belakang

rakan serantau Asia lain," kata Pengurus Portfolio Kanan Nikko Asset Management, Yong Shao Fung.

"Ia berbalik sedikit dalam persekitaran risiko sederhana sekarang ini jika dibandingkan dengan kadar sebenar tinggi dan tinjauan inflasi rendah/stabil yang menyebabkan bon berdaulat Malaysia secara relatifnya menarik."

Pulangan bon 10 tahun kerajaan Malaysia jatuh 20 mata asas tahun ini kepada 3.9 peratus.

"Harga komoditi lebih tinggi, peningkatan perbelanjaan domestik dan perkembangan lebih memihak dari segi hubungan luar dengan rakan dagangan seperti China, Singapura dan Jepun akan mengukuhkan lagi aliran masuk ke dalam bon Malaysia tahun ini," kata penganalisis Credit Suisse.

REUTERS